

Dilema Budaya: Identiti dan Cara Hidup Komuniti Jakun di Pahang

(Cultural Dilemma: Jakun Community Identity and Ways of Life in Pahang)

Zuraida Awang Tan^{1*}, Zanisah Man², Sharina Abdul Halim³

¹Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43000 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: zuraida521@gmail.com

²Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43000 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: zanisahman@ukm.edu.my

³Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: sharinahalim@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Zuraida Awang Tan
(zuraida521@gmail.com)

KATA KUNCI:

Orang Asli
Komuniti Jakun
Identiti
Budaya dan Cara Hidup

KEYWORDS:

Orang Asli
Jakun Community
Identity
Culture and Way of Life

CITATION:

Zuraida Awang Tan, Zanisah Man, & Sharina Abdul Halim. (2024). Dilema Budaya: Identiti dan Cara Hidup Komuniti Jakun di Pahang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(5), e002818. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i5.2818>

ABSTRAK

Setiap masyarakat Orang Asli mempunyai budaya yang unik bagi melambangkan identiti mereka. Namun begitu, bagi komuniti Jakun, penggunaan frasa Jakun telah dilihat sebagai satu istilah yang menghina kepada komuniti Jakun secara khususnya dan menyebabkan mereka dilihat sebagai komuniti yang kurang bertamadun. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan bagi meneroka pembentukan identiti diri dan budaya sebagai komuniti Jakun di Pahang dengan menggunakan dua buah kampung yang berbeza lokasi petempatan iaitu Kampung Permatang Keledang, Pekan dan Kampung Mentelong, Rompin. Kajian ini menggunakan kaedah kajian temubual dan pemerhatian serta melibatkan seramai 20 orang peserta kajian bagi mendapatkan data keseluruhan pandangan pengkaji lalu dan gambaran kehidupan dan identiti komuniti Jakun pada hari ini. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat empat aspek yang digunakan bagi mengenal pasti identiti komuniti Jakun iaitu bahasa ibunda, adat kematian, adat perkahwinan dan kepercayaan animisme. Hasil kajian turut mendapati bahawa komuniti Jakun di Pahang mempunyai dialek yang berbeza bagi setiap petempatan yang wujud dan mereka mempunyai adat kematian dan perkahwinan yang hampir serupa dengan adat yang dilakukan oleh masyarakat Melayu pada masa kini. Kajian turut mendapati bahawa majoriti komuniti Jakun di Pahang masih lagi mengamalkan kepercayaan animisme meskipun terdapat segelintir dari mereka yang telah menganut agama lain seperti agama Islam dan Kristian.

ABSTRACT

Orang Asli community has a unique culture to symbolize

their identity. However, for the Jakun community, the use of the term Jakun in mainstream society has some derogatory connotations as a meaning that portrays the Jakun community, in particular, to be seen as an uncivilized community. Therefore, this study was conducted to examine the way identity and culture are constructed by the Jakun community. Two villages with different settlement locations in Pahang, namely Kampung Permatang Keledang, a place near Pekan town and Kampung Mentelong, located in urban Rompin are selected. This study utilized interview and observation research methods involving a total of 20 study participants to obtain data on the overall views of past researchers and a picture of the life and identity of the Jakun community today. The results of the study found that there are four main aspects crucial to the identity formation of Jakun community, namely their mother tongue, death customs, marriage rituals and animism beliefs. It was also observed that Jakun community in Pahang has a different dialect for each settlement that exists and they have death and marriage customs that are very similar to the customs practiced by the Malay community today. The majority of the Jakun community in Pahang still practice the belief of animism although there are a number of them who have embraced other religions such as Islam and Christianity.

Sumbangan/Keaslian: Dokumen Kajian ini akan membantu pihak berkepentingan seperti badan kerajaan untuk menyediakan pelbagai alternatif yang bersesuaian bagi membantu untuk mengekalkan setiap warisan yang wujud dalam kalangan komuniti Jakun dan membantu mereka untuk terus mengekalkan identiti mereka di samping turut menikmati arus perubahan teknologi yang kian canggih.

1. Pengenalan

Budaya umumnya merupakan keseluruhan sesuatu yang kompleks yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan apa-apa keupayaan dan tabiat lain yang diperolehi oleh manusia sebagai ahli masyarakat (Tyler, 1871). Ia merujuk kepada cara fikir dan tingkah laku mengikut adat bagi sesuatu populasi atau masyarakat (Ember & Ember 1996; Ember, Ember & Peregrine, 2015). Menurut Hall (1990), identiti budaya ini merujuk kepada sekumpulan orang yang berasal dari bangsa tertentu ataupun kumpulan etnik yang mempunyai bahasa atau budaya agama yang sama (Yang, Zhao & Liu, 2021). Hall (1990) turut memberitahu bahawa setiap identiti budaya yang wujud mampu mencerminkan budaya asal etnik, budaya etnik dan budaya bahasa dan agama etnik berkenaan. Malah, kebudayaan yang wujud di dalam diri masyarakat peribumi yang berasal dari etnik yang berbeza juga dapat dilihat menerusi pembinaan karakter mereka (Wahab et al., 2020). Di Malaysia, setiap kaum yang berada di dalam negara ini mempunyai kepercayaan, amalan, budaya dan bahasa yang tersendiri bagi membentuk identiti yang membezakan mereka antara satu sama yang lain dan keadaan ini termasuklah masyarakat Orang Asli (Zakaria & Suhaimi, 2022) yang mempunyai budaya yang unik bagi melambangkan identiti mereka (Nurasyikin Ghazali et al., 2020).

Sistem pentadbiran British sebelum merdeka telah membahagikan masyarakat Orang Asli kepada tiga kumpulan besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto berasaskan rupa bentuk fizikal, penempatan dan bahasa mereka (Carey, 1976). Komuniti Jakun telah dikategorikan sebagai sub-kumpulan Melayu-Proto disebabkan rupa paras mereka yang kelihatan seperti Melayu. Komuniti ini mendiami kawasan di sekitar selatan Semenanjung Malaysia (Mohd Nor et al., 2018) dan merupakan antara kelompok masyarakat Orang Asli yang berada di bawah kelompok Melayu-Proto (Md Yusof & Wook, 2022).

Komuniti Jakun berasal dari Yunan, di Selatan China (Zakaria & Suhaimi, 2022) di mana mereka mula berhijrah dari Yunan sekitar 5000 tahun yang lalu dan petempatan awal komuniti Jakun boleh dilihat sekitar lembah sungai Endau. Berbeza pula dengan pernyataan dari Skeat, Blagden dan Ridley (1907) di mana komuniti Jakun telah dikatakan sebagai individu Melayu Asli yang enggan menerima agama Mohammed dan telah melarikan diri ke pedalaman untuk mengelakkan sebarang penganiayaan ke atas komuniti mereka. Skeat, Blagden dan Ridley (1907) turut menyatakan bahawa komuniti Jakun adalah sekumpulan Melayu kafir yang telah bercampur dengan komuniti Semang dan Sakai. Walau bagaimanapun, pada masa kini majoriti komuniti Jakun sudah berada di negeri Pahang Darul Makmur dengan jumlah penduduk seramai 27,867 orang penduduk (Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang, 2019). Lokasi petempatan mereka boleh ditemui di daerah Pekan, Rompin dan Kuantan.

Mohd Yusoff et al. (2021) menyatakan bahawa sehingga kini komuniti ini masih lagi mengamalkan cara kehidupan yang telah diwarisi oleh nenek moyang mereka. Bahkan di dalam penempatan komuniti Jakun, terdapat individu yang telah dipilih sebagai ketua kampung di mana individu berkenaan dikenali sebagai Tok Batin (Abdul Razzaq & Bokhari, 2018). Ia turut ditambah di mana pemilihan Tok Batin ini adalah berdasarkan kepada kelayakan dan pilihan oleh majoriti masyarakat Orang Asli di petempatan tersebut dan Tok Batin dipilih berdasarkan kualiti yang terdapat di dalam kepimpinan dan dihormati oleh masyarakat setempat. Komuniti Jakun ini mempunyai pelbagai panggilan seperti Binua (orang negara ini), Orang Utan, Orang Hulu dan Orang Darat (Kasim, 2021).

Namun begitu, sebahagian komuniti Jakun di Pahang telah mula berpindah ke kawasan bandar dan mula meneruskan hidup bersama-sama dengan komuniti yang lain (Kasim, 2021). Hal ini menjelaskan bahawa komuniti Jakun di Pahang kini sudah mula mendapatkan pendidikan bermula dari peringkat sekolah rendah dan terdapat juga sebahagian daripada mereka yang sudah mempunyai kelulusan lepasan universiti dan mula berkhidmat di sektor kerajaan. Mohd Yusoff et al. (2021), turut menyatakan bahawa komuniti Jakun di Pahang telah menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap kepentingan pendidikan meskipun terdapat segelintir dalam kalangan ibu bapa yang tidak pernah menjejakkan kaki mereka ke alam persekolahan.

1.1. Permasalahan Kajian

Bagi komuniti Jakun, mereka juga mempunyai kebudayaan tersendiri yang melambangkan jati diri dan identiti mereka sebagai Orang Asli suku kaum Jakun (Mohd Nor et al., 2018). Walau bagaimanapun, perkataan 'Jakun' ini juga telah disalah ertikan oleh rakyat Malaysia sebagai sebuah terma atau perkataan hinaan terhadap seseorang individu yang bersikap terlalu teruja atau tidak canggih kerana menurut mereka, Orang Ulu adalah individu yang primitif dan mundur (Mohsin, Hisham & Azizun, 2021). Ia

dijelaskan lagi bahawa dari segi sejarah, Orang Ulu adalah merujuk kepada orang Jakun dan keadaan inilah yang menyebabkan mereka melihat orang Jakun ini sebagai individu yang "mundur."

Namun begitu, penggunaan ayat seperti "kamu berkelakuan seperti Jakun" telah dilihat memberikan satu makna yang menghina kepada komuniti Jakun secara khususnya dan masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya (Parker et al., 2019). Ia dijelaskan lagi bahawa kebiasaan penggunaan ayat Jakun ini telah terbentuk disebabkan oleh kebiasaan yang dicipta oleh masyarakat Melayu. Kebiasaan ini telah memberikan kesan terhadap pembentukan dan pengenalan identiti bagi komuniti Jakun disebabkan oleh tanggapan negatif yang dilemparkan berterusan sehingga ke hari ini melalui penggunaan perkataan 'Jakun'. Hal ini juga turut terbukti apabila Haidatina (2022) menulis dalam blog miliknya yang berbunyi seperti berikut "... bila train tu dah sampai apalagi excited lah memasingkan Jakun naik katil atas train...". Keadaan ini menjelaskan bahawa masyarakat umum tidak cakna dengan maksud perkataan Jakun dan menggunakan dengan sewenang-wenangnya untuk merujuk kepada maksud pelik, buruk dan kolot. Oleh itu, hal ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap identiti komuniti Jakun. Justeru itu, dua buah kampung telah dipilih dalam kajian ini untuk mengenalpasti identiti komuniti Jakun iaitu Kampung Permatang Keledang, Pekan yang terletak dipinggir bandar dan Kampung Mentelong, Rompin yang terletak di pedalaman. Kajian ini telah dijalankan dengan tujuan untuk mengenalpasti pembentukan identiti diri dan cara hidup komuniti Jakun di negeri Pahang ke arah kesejahteraan hidup.

2. Identiti, Budaya dan Cara Hidup

Bagi memahami perkaitan di antara identiti, budaya dan cara hidup komuniti Jakun, satu konsep identiti budaya telah digunakan. Jukim, Mohd Noor dan Zalay@Zali (2022) telah menerangkan bahawa konsep identiti dan konsep budaya mempunyai perkaitan yang rapat dengan kehidupan yang dilalui oleh masyarakat cara hidup mereka dan ia adalah cara hidup yang akan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Sarifin dan Sukimi (2018) menyatakan bahawa budaya adalah cara hidup sesebuah masyarakat yang mampu menonjolkan identiti sesebuah etnik ataupun individu berkenaan dan ianya mempunyai perkaitan yang saling berkait rapat dengan identiti. Melalui perkaitan di antara budaya dan identiti ini, mampu membentuk pemikiran ataupun tingkah laku sesebuah masyarakat. Menurut teori identiti budaya yang diperkenalkan oleh Hall (1990), beliau percaya bahawa identiti budaya adalah merujuk kepada sekumpulan individu kumpulan etnik tertentu yang mempunyai bahasa atau budaya agama yang sama di mana komuniti berkenaan mempunyai identiti yang telah ditetapkan (Wahab et al., 2020).

Antara salah satu identiti bagi masyarakat Orang Asli khususnya bagi komuniti Jakun di Pahang adalah penggunaan bahasa dan dialek di dalam kehidupan seharian mereka. Berdasarkan kepada satu kajian yang telah dilakukan oleh Kasim (2022) ke atas komuniti Jakun, mendapati bahawa dialek yang digunakan di dalam komuniti Jakun, mempunyai persamaan dengan dialek Melayu pada masa kini. Walau bagaimanapun, penggunaan dialek bahasa Jakun juga berbeza bagi setiap petempatan komuniti Jakun meskipun mereka daripada komuniti yang sama (Kasim, 2022). Zakaria dan Suhaimi (2022) menyatakan bahawa komuniti Jakun ini menggunakan dialek mereka yang tersendiri di mana ia mempunyai cara pertuturan yang berbeza bagi setiap penempatan meskipun mereka berasal daripada suku kaum yang sama dan perbezaan tersebut

mampu menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat mereka sendiri meskipun ia tidak terlalu ketara di antara penempatan yang lain.

Di dalam perkahwinan pula, [Kasim \(2021\)](#) turut menyatakan bahawa terdapat beberapa adat yang diamalkan oleh komuniti Jakun dan hampir menyerupai yang dilakukan oleh komuniti Melayu di Malaysia seperti adat perkahwinan, kelahiran dan kematian. Ia turut ditambah bahawa di dalam adat perkahwinan komuniti Jakun juga turut melakukan beberapa proses sepertimana yang dilakukan oleh komuniti Melayu seperti merisik, menghantar cincin, bertunang, duit hantaran, dulang hantaran dan mas perkahwinan yang mana ia diberikan oleh pihak pengantin lelaki kepada pihak pengantin perempuan.

Seterusnya bagi kepercayaan masyarakat Orang Asli pula, khususnya bagi komuniti Jakun, mereka turut mengamalkan kepercayaan animisme di mana kehidupan mereka banyak dipengaruhi oleh alam semula jadi yang terdapat di sekeliling mereka seperti gunung-ganang, sungai, bukit-bukau dan perkara-perkara lain ([Zakaria & Suhaimi, 2022](#)). Namun begitu, ia turut dinyatakan bahawa sebahagian kecil komuniti Jakun turut menganut agama Islam, Kristian dan Buddha. Bagi masyarakat Orang Asli, seperti komuniti Jakun, mereka akan diketuai oleh ketua kampung yang dikenali sebagai Tok Batin dimana individu berkenaan akan mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang kebiasaannya kedudukan ini diwarisi oleh belah pihak keluarga bapa dan ia diperturunkan daripada ayah kepada anak ataupun cucu ([Ali et al., 2019](#)). Ia turut menjelaskan bahawa Tok Batin mempunyai peranan yang penting dalam menguruskan peraturan, kebudayaan dan kehidupan tradisional masyarakat Orang Asli yang berada di dalam jajaan beliau.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui penggunaan reka bentuk pemerhatian dan temu bual yang telah dijalankan ke atas para peserta kajian yang terdiri daripada komuniti Jakun di Kampung Permatang Keledang, Pekan dan Kampung Mentelong, Rompin yang kedua-duanya terletak di negeri Pahang. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian telah digunakan bagi mendapatkan maklumat tambahan yang dapat menyokong dapatan kajian. Menurut [Ahmad Mahzan \(1992\)](#), kebaikan kaedah ini ialah segala kejadian boleh direkodkan semasa kejadian itu berlaku. Informan yang ditemu bual adalah sebanyak 20 orang dan terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman, berpengetahuan tentang adat resam, cara hidup dan budaya komuniti Jakun. Temu bual dijalankan terhadap dua golongan individu yang berusia antara 25 hingga 70 tahun, di lokasi kajian berkenaan bagi mengenal pasti identiti komuniti Jakun di Pahang. Bagi golongan warga emas, informan akan dirujuk sebagai informan A dan untuk golongan belia, informan akan dirujuk sebagai informan B. Untuk kaedah analisis pula, kajian ini akan dianalisis menerusi kaedah analisis naratif dengan menggunakan penceritaan yang dikongsikan oleh para informan. Setiap perkongsian akan diinterpretasikan mengikut beberapa tema objektif kajian.

4. Hasil Kajian

4.1. Identiti Komuniti Jakun

Identiti seumpama pedang bermata dua yang boleh mendatangkan bahaya dan dalam masa yang sama berupaya membantu membentuk imej yang penting bagi sesebuah kumpulan etnik ([Lin, 2008](#)). Perkataan 'Jakun', sama seperti perkataan 'Semai' ([Edo,](#)

1998) dan ‘Semelai’ (Man, 2018), tidak diketahui dengan jelas sumber terbitan atau asal kemunculannya. Namun, generasi kini menggunakan perkataan Jakun bagi merujuk kepada komuniti itu sendiri seperti yang dinyatakan oleh informan di Permatang Keledang seperti berikut:

“Sebenarnya perkataan Jakun itu sendiri pun takda [tiada] maksud yang jelas. Tahu-tahu mereka merujuk ke kita” (A1, Kampung Permatang Keledang)

Kewujudan istilah ‘Jakun’ ini juga dikaitkan dengan interaksi komuniti Jakun dengan masyarakat luar. Misalnya perkataan Jakun ini asalnya pernah merujuk kepada orang Melayu disebabkan oleh satu insiden yang berlaku di antara orang Melayu berkenaan bersama-sama dengan orang Inggeris. Disebabkan oleh pergaduhan tersebut, orang Inggeris tersebut ingin melakukan tindakan ‘sky’ (memukul) kepala orang Melayu yang kemudiannya difahami sebagai perkataan sekeh oleh orang sekitar. Perkataan Jakun ini seperti yang dinyatakan oleh informan di Kampung Permatang Keledang sebenarnya berasal daripada perkataan ‘sekeh’ sehingga berubah menjadi Sakai dan seterusnya menjadi Jakun seperti dinyatakan di bawah:

“Seingat saya dulu...orang tua-tua ada cerita yang Jakun ni bukan merujuk ke kita, tapi merujuk ke orang Melayu. Dahulunya ada orang Inggeris bergaduh dengan orang Melayu. Orang Inggeris tadi marah ke Melayu sambil bercakap nak sky kepala (sekeh) Melayu tu tadi. Lama-lama perkataan tu bertukar jadi Sakai. Dari Sakai ke Jakun tu saya tak tahu lah macam mana boleh bertukarnya” (A1, Kampung Permatang Keledang)

Lama-kelamaan perkataan Jakun menjadi frasa yang negatif bagi sebilangan besar masyarakat luar, terutamanya bagi mereka yang tidak pernah bergaul atau mengenali komuniti Jakun ini. Misalnya, isu berkaitan penghinaan, informan di kampung Mentelong turut menyatakan bahawa perkataan ‘Jakun’ ini telah digunakan oleh masyarakat luar sebagai sebuah perkataan penghinaan.

“Mereka yang takda (tiada) kawan dalam kalangan orang Jakun saja yang suka menghina ni. Kalau mereka bercampur gaul, molek ah, mereka faham maksud Jakun tu merujuk ke orang Jakun” (B10, Kampung Mentelong)

Mana-mana masyarakat yang tidak mengetahui kewujudan komuniti Jakun ini, mereka akan selalu berfikiran negatif dan menggunakan perkataan Jakun itu bagi merujuk kepada benda-benda yang kolot. Pengalaman ini dikongsikan oleh informan A yang berasal dari Kampung Permatang Keledang pada awal perkahwinan beliau dengan isterinya yang merupakan orang luar seperti berikut:

“Hanya orang luar yang tak pernah berjiran dan tak tahu pasal kewujudan orang Jakun ni saja yang selalu berfikiran negatif. Ini berlaku kepada pak cik sendiri. Masa memula kahwin dengan mak cik, mak cik orang Melayu, keluarga dia tak tahu pun pasal orang Jakun n. Jadi ayah mentua selalu sebut perkataan Jakun bila merujuk kepada benda yang kolot. Tapi pak cik dah jelaskan maksud Jakun tu, barulah ayah mentua faham dan tak gunakan perkataan Jakun tu”. (A2, Kampung Permatang Keledang)

Meskipun perkataan 'Jakun' ini digunakan oleh masyarakat luar untuk menunjukkan identiti kelompok ataupun individu yang mempunyai pemikiran yang kolot ataupun mundur, namun ia tidak sepatutnya mengubah perspektif masyarakat terhadap identiti mereka sendiri seperti yang dinyatakan oleh informan belia di bawah:

"Asal usul penghinaan perkataan Jakun ni sememangnya ingin ditujukan kepada bangsa yang kolot atau mundur, tapi bukan orang Jakun yang patut malunya, tapi orang luar lah yang patut malu, sebab masih menggunakan perkataan Jakun setiap kali merujuk kepada benda yang tak elok maksudnya". (B1, Kampung Permatang Keledang)

Malah masyarakat luar perlu diberi kesedaran tentang maksud sebenar di sebalik perkataan Jakun berasaskan perspektif komuniti Jakun itu sendiri. Ini kerana, bagi warga emas masyarakat ini, perkataan 'jakun' merujuk kepada identiti sebuah 'bangsa'(etnik) iaitu komuniti Jakun itu sendiri.

"Bagi saya, mereka tak faham. Kalau mereka faham maksud Jakun tu merujuk ke sesuatu bangsa [etnik], rasanya mereka tak guna dah perkataan tu untuk hina kita" (B6, Kampung Mentelong)

"Mereka yang jahil sebenarnya. Tak tahu yang Jakun ni merujuk kepada satu bangsa" (B1, Kampung Permatang Keledang)

Manakala, kelompok belia pula berpandangan bahawa masyarakat luar perlu mengetahui bahawa perkataan Jakun itu adalah merujuk kepada identiti bagi sesuatu 'suku kaum':

"Ini berlaku sebab mereka tidak tahu maksud Jakun tu merujuk kepada satu suku kaum" (A2, Kampung Permatang Keledang)


Penggunaan identiti 'bangsa' dan 'suku kaum' oleh informan dari kelompok umur yang berbeza ini menunjukkan pengetahuan dan penerimaan mereka adalah berasaskan ruang lingkup dan masa yang berbeza. Misalnya pada waktu dahulu, 'bangsa' biasanya digunakan bagi merujuk kepada sesuatu kelompok kumpulan atau keturunan tertentu. Pada masa kini, suku kaum digunakan bagi menggambarkan kepelbagaian etnik yang wujud dalam takrifan 'Orang Asli' itu sendiri ([Portal Rasmi JAKOA, 2024](#)).

Walaupun begitu, umumnya, masyarakat luar masih lagi menganggap bahawa Jakun ini merujuk kepada individu yang berfikiran kolot ataupun mundur. Bukan itu sahaja, mereka turut menganggap Jakun ini adalah berkaitan dengan perkara yang tidak elok ataupun negatif. Tanggapan ini sebenarnya masih terbawa-bawa dari zaman dahulu yang menggambarkan komuniti Jakun melalui tingkah laku tertentu serta ketiadaan status atau 'kedudukan' mereka dalam masyarakat ([Manickam, 2015: 67-68](#); [Skeat et al., 1907](#)) berasaskan takrifan feudalisme. Sama seperti bilah pedang, istilah 'Jakun', meskipun tidak diketahui dengan jelas kemunculan nama asalnya dan dikaitkan dengan konotasi negatif, namun pada masa kini tetap diterima sebagai identiti sebuah 'bangsa' dan 'suku kaum' oleh komuniti Jakun itu sendiri demi mempertahankan kewujudan mereka sebagai satu etnik yang tersendiri.

4.2. Cara Hidup Komuniti Jakun

Berdasarkan kepada analisis data yang telah dilakukan terhadap hasil temu bual dan pemerhatian mendapati bahawa pengenalpastian identiti bagi komuniti Jakun boleh dibahagikan kepada empat aspek utama seperti bahasa ibunda, adat kematian, adat perkahwinan dan kepercayaan animisme. Perincian empat aspek tersebut adalah seperti Rajah 1.

Rajah 1: Pengenalpastian Identiti sebagai Komuniti Jakun



4.2.1. Bahasa Ibunda

Hasil kajian mendapati bahawa bahasa Jakun sentiasa menjadi bahasa pertuturan seharian di kalangan komuniti mereka. Meskipun tidak mempunyai sistem tulisan secara formal, tetapi bahasa Jakun tetap mempunyai penutur yang tersendiri. Dari segi bahasa, komuniti Jakun menggunakan bahasa pertuturan yang berada di bawah kumpulan bahasa Austronesia (Malayo-polynesian) yang mempunyai banyak persamaan dan hanya sedikit kelainan jika dibandingkan dengan Bahasa Melayu (Carey, 1976). Pengkaji mendapati terdapat sedikit perbezaan dialek antara komuniti Jakun di Kampung Permatang Keledang dan Mentelong menunjukkan bahawa kedudukan lokasi penempatan juga mempengaruhi cara pertuturan komuniti tersebut.

Bagi setiap kawasan dan petempatan komuniti jakun, mereka mempunyai dialek yang berbeza sepertimana yang telah dinyatakan oleh Zakaria dan Suhaimi (2022). Bagi komuniti Jakun yang tinggal di Kampung Permatang Keledang yang terletak berhampiran pesisir pantai, mereka banyak menggunakan kata ganti diri seperti *kam* dan *hema* untuk merujuk kepada saya dan *ajih* merujuk kepada awak manakala bagi komuniti Jakun yang tinggal di Kampung Mentelong yang terletak di kawasan pedalaman kebiasaannya mereka menggunakan *kok* dan *ang* untuk merujuk kepada saya dan *kau* dan *hik* merujuk kepada awak. Bukan itu sahaja, penggunaan perkataan *kau* atau *hik* (awak) hanya digunakan di kampung yang berdekatan kawasan bukit manakala perkataan *ajih* (awak) pula, banyak digunakan di kawasan kampung pesisir (laut).

Dalam pada itu, turut didapati bahawa bahasa Jakun sudah menjadi bahasa pertuturan komuniti Jakun sejak mereka kecil lagi dan digunakan sehingga mereka dewasa. Bagi komuniti Jakun, mereka selesa bertutur dalam bahasa Jakun kerana sudah diajar dari kecil untuk bertutur bahasa tersebut dan dipertuturkan dari generasi ke generasi seterusnya. Bahasa Jakun masih dipertutur dalam masyarakat setempat di kedua-dua kampung tersebut meskipun telah mengalami perubahan dari segi perkataan yang tidak

lagi digunakan atau jarang diguna pakai oleh generasi muda. Seperti yang telah diperjelaskan oleh [Kasim \(2021\)](#), komuniti Jakun pada masa kini sudah bersifat terbuka untuk menerima mana-mana bahasa yang wujud di dalam komuniti mereka meskipun mereka sangat menghormati bahasa dan dialek ibunda mereka. Keadaan ini merupakan antara salah satu keadaan yang mempengaruhi penggunaan bahasa dan dialek komuniti Jakun pada masa kini.

Walaupun berbeza dialek, mereka masih mampu untuk berkomunikasi dengan baik dan menganggap perbezaan yang wujud seperti perbezaan kosa kata dan bunyi itu merupakan variasi bahasa yang wujud dalam bahasa Jakun. Bahasa ibunda merupakan elemen penting dalam pengenalanpastian identiti sebagai orang Jakun di kedua-dua kampung tersebut. Walaupun kampung Permatang Keledang terletak di pinggir bandar dan terdedah kepada dunia luar, namun komuniti ini masih mampu untuk bertutur dalam bahasa ibunda mereka dengan baik sekali.

4.2.2. Adat Kematian

Komuniti Jakun masih lagi berpegang kuat pada adat resam mereka terutama dalam adat kematian. Hal ini jelas, adat daripada zaman nenek moyang seperti menyimpan mayat dan hari meratus masih lagi diamalkan dan dipraktikkan sehingga ke hari ini. Adat menyimpan mayat bermaksud mayat si mati akan disimpan selama sehari manakala adat meratus pula bermaksud adat menghantar makanan ke kubur si mati sebagai tanda ingatan dan kasih kepada si mati. Dalam komuniti Jakun, sekiranya berlaku kematian, keluarga si mati akan menguar-uarkan kepada saudara-mara dan rakan taulan berita kematian tersebut. Mengikut adat yang telah diperturunkan, mayat si mati akan diletakkan di ruang tamu bagi memudahkan saudara-mara dan rakan taulan memberikan penghormatan terakhir. Di hujung kaki atau kepala si mati kebiasaannya akan dibakarkan kemenyan atau gaharu dan mayat si mati akan ditutupi dengan kain batik lepas. Mayat si mati akan disimpan selama sehari disebabkan oleh keadaan keluarga yang menantikan kedatangan sanak-saudara bagi si mati.

Penyimpanan mayat si mati selama semalaman merupakan adat dalam komuniti mereka selain menunggu kedatangan keluarga yang jauh bagi memberi penghormatan terakhir. Adat menyimpan mayat semalaman merupakan adat yang diamalkan sejak zaman nenek moyang. Setelah selesai upacara pemberian penghormatan daripada sanak saudara, si mati akan dimandikan dan dikapankan dengan kain putih sebelum dimasukkan ke dalam keranda dan dibawa ke tanah perkuburan. Setelah selesai upacara pengebumian, hari meratus akan diadakan pada hari ke-7, ke-14 dan ke-100 selepas kematian. Ia diadakan bagi mengingati si mati. Keluarga si mati akan menyediakan makanan kegemaran si mati dan menghantar ke kuburnya. Komuniti Jakun percaya bahawa di dalam tempoh tersebut (7-100 hari), roh si mati masih berlegar-legar di dunia nyata. Oleh itu, wakil keluarga si mati yang paling tua akan 'bercakap' dengan memanggil nama si mati dan mendoakan agar roh si mati tenang, aman dan damai di alam sana.

Hari meratus telah diadakan sebagai tanda memperingati si mati dengan menghantar makanan dan mendoakan semoga roh si mati tenang disana. Hal ini menjelaskan adat kematian seperti menyimpan mayat dan hari meratus masih kuat dipegang dan diamalkan di kedua-dua kampung. Walaupun kampung Permatang Keledang dan kampung Mentelong terletak di lokasi yang berbeza iaitu sebuah di pinggir bandar dan sebuah lagi di pedalaman, tetapi adat kematian yang dijalankan dan diamalkan adalah sama. Perkara ini adalah bersamaan dengan apa yang telah dinyatakan oleh [Kasim](#)

(2021), di mana adat kematian yang telah dilakukan di dalam kalangan komuniti Jakun mempunyai sedikit persamaan dengan apa yang telah diamalkan oleh masyarakat Melayu di negara ini.

4.2.3. Adat Perkahwinan

Bagi adat perkahwinan, ia masih lagi menjadi amalan dan pegangan komuniti di kedua-dua kampung tersebut di mana adat perkahwinan akan dimulakan dengan adat merisik, meminang dan diakhiri dengan adat nikah kahwin (perkahwinan). Adat ini telah diadakan untuk meraikan dan menandakan bahawa pasangan baru telah disatukan dengan sahnya. Kebiasaannya majlis perkahwinan diadakan dengan meriah sekali sambil dihadiri oleh keluarga, saudara-mara dan rakan terdekat. Majlis perkahwinan komuniti Jakun juga diadakan disebelah perempuan sahaja. Adat merisik dimulakan dengan ibu bapa sebelah lelaki datang ke rumah perempuan untuk bertanya adakah si perempuan sudah berpunya atau tidak dan untuk mengenal dengan lebih lanjut si empunya diri (pengantin perempuan). Jika si perempuan belum dimiliki, maka adat meminang akan diteruskan.

Setelah selesai adat merisik, adat seterusnya iaitu adat meminang akan dijalankan. Adat meminang bermaksud adat menghantar tanda daripada sebelah lelaki kepada sebelah perempuan yang telah bersetuju untuk menjadi pasangan suami dan isteri dan sebagai tanda si perempuan sudah berpunya. Adat meminang juga dikenali sebagai adat bertunang dalam komuniti Jakun. Dalam adat meminang juga, keluarga lelaki akan melakukan 'rundingan' bersama-sama dengan keluarga pihak perempuan berkaitan dengan harga hantaran, jenis barangan yang diminta, tempoh masa bertunang dan menetapkan tarikh untuk majlis nikah kahwin (perkahwinan). Pada zaman dahulu, adat meminang ini adalah hantaran berupa sebuah bongkol iaitu kain selendang yang diisikan dengan alat solek, jarum, kain pasang, cincin emas atau cincin belah rotan lalu disimpulkan/diikat dan diserahkan kepada pengantin perempuan. Hantaran bongkol ini bergantung kepada keluarga yang terlibat. Jika pihak lelaki adalah individu yang berada, maka hantaran bongkol akan mempunyai isi yang lebih dan begitu juga sebaliknya. Isi hantaran adalah mengikut kehendak belah perempuan. Namun, pada zaman sekarang, hantaran bongkol telah digantikan dengan hantaran yang diletakkan di atas dulang.

Adat meminang ini adalah salah satu adat yang dilakukan bagi menghantar tanda daripada keluarga pihak lelaki kepada keluarga pihak perempuan supaya si perempuan tidak diambil oleh lelaki lain. Setelah selesai melakukan adat meminang maka tibalah masanya untuk adat nikah kahwin (perkahwinan). Adat nikah kahwin bermaksud pasangan pengantin sah disatukan sebagai suami isteri dengan mengadakan majlis makan-makan yang dihadiri oleh keluarga, saudara-mara dan rakan taulan. Menjelang majlis nikah kahwin (perkahwinan), kedua-dua belah pihak, termasuk keluarga terdekat, kawan-kawan dan komuniti di kampung tersebut mengadakan gotong-royong untuk menyediakan makanan, pelamin dan hal-hal lain. Tok Batin sebagai ketua adat memberikan nasihat dan ilmu alam rumah tangga kepada pasangan pengantin baru. Pasangan pengantin diraikan diatas pelamin sambil tetamu, keluarga dan sahabat handai dijamukan dengan makanan. Majlis nikah kahwin (perkahwinan) juga diadakan untuk memberitahu kepada sanak saudara dan rakan taulan bahawa pasangan tersebut telah pun sah sebagai suami isteri.

Adat nikah kahwin (perkahwinan) diadakan sebagai tanda bahawa pengantin sudah rasmi menjadi suami isteri. Komuniti Jakun di kedua-dua buah kampung masih lagi

mengamalkan dan berpegang kuat pada adat perkahwinan seperti merisik, meminang dan nikah kahwin walaupun mengalami sedikit perubahan dari segi pelaksanaannya adat tersebut. Perkahwinan adalah suatu institusi yang mengesahkan hubungan antara seorang lelaki dengan perempuan dan hal ini jelas menjadi pegangan dan amalan komuniti Jakun di dua-dua komuniti tersebut. Adat perkahwinan juga diadakan sebagai merapatkan hubungan kekeluargaan di antara kedua belah pihak dan komuniti di kedua-dua kampung tersebut. Majlis diadakan dalam keadaan gembira, ceria dan santai dimana pengantin diraikan dan tetamu dijamukan dengan makanan yang lazat. Pelaksanaan adat ini adalah berbeza dengan apa yang telah diterangkan oleh [Zainudin dan Suhaimi \(2023\)](#) di mana mereka menyatakan penggunaan permainan Kercang telah digunakan sebagai salah satu cara untuk mendapatkan persetujuan pihak perempuan dan tidak melalui beberapa proses seperti merisik, meminang dan diakhiri dengan adat nikah kahwin. Namun begitu, seperti yang telah diterangkan oleh [Kasim \(2021\)](#), komuniti Jakun pada masa kini turut mengamalkan adat perkahwinan yang hampir serupa dengan apa yang telah dilakukan oleh masyarakat Melayu pada masa kini.

4.2.4. Kepercayaan Animisme

Bagi komuniti Jakun, mereka masih lagi berpegang kepada kepercayaan animisme terutamanya bagi komuniti Jakun yang berada di dalam kedua-dua buah kampung tersebut. Animisme adalah kepercayaan bahawa setiap benda (batu, kayu dan lain-lain) mempunyai semangat (roh) ([Kamus Dewan, 2007](#)). Komuniti Jakun percaya bahawa segala bentuk semangat, roh dan makhluk halus haruslah dihormati kerana jika gagal berbuat demikian bencana buruk bakal menimpa. Mereka juga mempercayai adanya Tuhan yang mempunyai suatu kuasa yang tersendiri serta percaya kepada kewujudan syurga dan neraka. Semangat alam juga dianggap sebagai roh nenek moyang mereka yang perlu dihormati dan dipelihara selalu. Oleh itu, pelaksanaan upacara pemujaan/penyembahan kepada semangat alam adalah satu amalan dan kepercayaan yang masih wujud sehingga kini. Antara peralatan yang digunakan untuk upacara pemujaan/penyembahan nenek moyang adalah seperti kain putih, kemenyan, bertih, sirih dan ayam putih atau hitam.

Pemujaan ataupun penyembahan dilakukan untuk memohon penjagaan keselamatan kampung daripada mengalami sebarang gangguan semangat jahat yang boleh menyebabkan penduduk kampung jatuh sakit, tanaman tidak menjadi, dilanda musim kemarau atau banjir yang teruk. Selain adat memuja dan menyembah semangat alam, upacara bela kampung turut diamalkan dan diadakan setahun sekali juga bertujuan untuk memelihara keamanan kampung supaya tidak diganggu oleh makhluk halus. Namun begitu, kehadiran agama lain seperti Islam dan Kristian telah menyebabkan kepercayaan nenek moyang ini tidak lagi diamalkan oleh sebilangan daripada komuniti ini terutamanya di kampung Permatang Keledang. Seperti yang telah diterangkan oleh [Zakaria dan Suhaimi \(2022\)](#), sebahagian kecil daripada komuniti Jakun turut mempunyai kepercayaan yang lain seperti agama Islam, Kristian dan Buddha meskipun majoriti daripada komuniti Jakun masih lagi mengamalkan kepercayaan animisme di dalam kehidupan seharian mereka.

Perubahan yang berlaku di kalangan komuniti Jakun di Kampung Permatang Keledang adalah disebabkan oleh lokasi penempatan yang dekat dengan bandar, selain telah terdedah dengan masyarakat luar yang menganuti pelbagai agama seperti Islam dan Kristian. Hal ini menyaksikan, komuniti Jakun di kampung Permatang Keledang tidak lagi bergantung kepada hasil hutan sebagai mata pencarian dan melakukan

penyembahan nenek moyang. Berbeza halnya di kampung Mentelong dimana, amalan dan kepercayaan animisme masih lagi kuat dipegang dan diamalkan hingga kini melalui pelaksanaan upacara pemujaan, penyembahan dan ritual bela kampung. Di kampung Mentelong, komuniti Jakun dilihat masih lagi mempercayai, berpegang dan menghormati kepercayaan nenek moyang kerana lokasi penempatan yang terletak di pedalaman dan dikelilingi hutan dan alam semula jadi. Hal ini menjelaskan bahawa kepercayaan animisme masih menjadi pegangan komuniti di kedua-dua kampung walaupun sebilangan kecil komuniti Jakun di kampung Permatang Keledang sudah mengalami kepudaran dalam kepercayaan tersebut. Meskipun mereka ini telah menganut agama baharu seperti Islam atau Kristian, tetapi selagi mana mereka masih mempunyai pertalian darah, selalu pulang ke kampung dan rapat serta kerap bergaul dengan komuniti setempat, mereka masih lagi dianggap sebahagian daripada komuniti Jakun.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, didapati bahawa masyarakat luar telah menggunakan perkataan Jakun itu sendiri sebagai sebuah penghinaan untuk menghina seseorang individu. Akan tetapi, bagi komuniti Jakun itu sendiri, perkataan Jakun itu sendiri telah merujuk kepada identiti komuniti Jakun sebagai sebuah bangsa. Manakala, cara hidup komuniti Jakun pula boleh dibahagikan kepada empat aspek utama seperti bahasa ibunda, adat kematian, adat perkahwinan dan kepercayaan animisme. Berdasarkan kepada hasil kajian menunjukkan bahawa komuniti Jakun di Pahang masih lagi mengekalkan pengamalan empat aspek berkenaan. Walaupun kedua-dua kampung terletak di lokasi yang berbeza, sebuah lagi di pinggir bandar (Kampung Permatang Keledang) dan sebuah di pedalaman (Kampung Mentelong) namun, empat aspek ini masih lagi menjadi pegangan dalam komuniti tersebut. Hal ini menjelaskan bahawa walaupun budaya bersifat dinamik tetapi nilai komuniti Jakun di kedua buah kampung tersebut masih utuh dan terpelihara.

Melalui kajian ini ia akan membantu masyarakat luar untuk mengenali dan mengetahui dengan lebih lanjut tentang kewujudan komuniti Jakun yang bukan sahaja dilihat sebagai mereka yang menghuni hutan tetapi juga telah mengikuti perubahan arus modenisasi sehingga menjadikan mereka sama seperti masyarakat-masyarakat yang berada di luar sana. Keadaan ini sedikit sebanyak akan membantu masyarakat luar untuk menunjukkan rasa hormat mereka dan tidak mengasingkan mereka daripada menjadi sebahagian daripada masyarakat di negara ini.

Akan tetapi, bagi memperkasakan lagi identiti, budaya dan cara hidup komuniti Jakun, ianya penting untuk melibatkan penyertaan daripada komuniti Jakun itu sendiri terutamanya di dalam setiap keputusan yang melibatkan penglibatan komuniti Jakun di dalam mana-mana program pemeliharaan dan pemuliharaan warisan mereka supaya pihak kerajaan masih lagi mampu mengekalkan warisan asli kebudayaan dan identiti komuniti Jakun semasa melakukan mana-mana program. Melalui langkah ini, komitmen Tok Batin sangat diperlukan sementelah individu ini merupakan tokoh penting di dalam pemeraksanaan budaya, identiti dan cara hidup komuniti Jakun.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada informan yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada penyelia yang saya hormati, Dr. Zanisah Man yang banyak membantu saya sepanjang kajian ini berjalan.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Sepanjang kajian ini berjalan, tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengurangan atau penerbitan kajian ini telah dilaporkan.

Rujukan

- Abdul Razzaq, A. R., & Bokhari, N. (2018). Pembelajaran Dalam Kalangan Orang Asli Jakun Kampung Peta Menerusi Pembangunan Ekopelancongan. *Online Journal for TVET Practitioners*. <https://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4818>
- Ahmad Mahdzan Ayob (1992). *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi, Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, A., Jangga, R., & Yaakob, A. N. (2019). The Implementation Of Aboriginal People Act 1954 (Act 134) And Customary Law In The Appointment Of Tok Batin Kaum Jakun In Bekok, Segamat. *GADING (Online) Journal for Social Sciences, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang*, 23(1).
- Carey, I. (1976). *Orang Asli, the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ember, C. R., & Ember, C. (2016) *Anthropology* 8th Ed. London: Prentice-Hall International (UK) Limited.
- Ember, C. R., Ember, & C., Peregrine. (2015). *Anthropology* (14th Ed.). New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Edo, J. (1998). *Claiming Our Ancestral Land: An Ethnohistorical Study of Seng-oi LandRights in Perak, Malaysia* [Unpublished Doctoral Dissertation, Australian National University].
- Haidatina Aznam. (2022, Jun 24). 'Ala-Ala Swiss'- Wanita Ini Kongsi Pengalaman Naik Sleeper Train Ke Kelantan, View Cantik!. *Sirap Limau*. <https://siraplimau.com/ala-ala-swiss-wanita-ini-kongsi-pengalaman-naik-sleeper-train-ke-kelantan-view-cantik/.html>. [12 Julai 2022].

- Hall, S. (1990). Cultural Identity and Diaspora. In J. Rutherford (Ed.), *Identity: Community, Culture, Difference* (pp. 222-237). London: Lawrence & Wishart.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Pahang. (2019). *Bahagian Perancangan dan Penyelidikan: Jabatan Kemajuan Orang Asli*.
- Jukim, H., Mohd Noor, A. I., & Zalay@Zali, A. A. (2020). Effectiveness of Adapting the Concept of Cultural Identity in Landscape Design in School Grounds. *Kupas Seni*, 8(2), 52–69. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.5.2020>
- Kamus Dewan. (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasim, M. R. (2021). Etnografi Komunikasi Orang Asli Jakun. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 14(1). https://www.researchgate.net/profile/Mohamad-Rozi-Kasim-2/publication/348558119_ETNOGRAFI_KOMUNIKASI_ORANG_ASLI_JAKUN_Ethnography_of_Communication_of_the_Jakun_Tribe/links/60044a4d45851553a04d17da/ETNOGRAFI-KOMUNIKASI-ORANG-ASLI-JAKUN-Ethnography-of-Communication-of-the-Jakun-Tribe.pdf
- Kasim, M.R. (2022). Rekonstruksi fonologi vokal bahasa Jakun: Suatu analisis fonologi diakronik dengan Bahasa Melayu Purba. *Jurnal Bahasa*, 22(2), 173–204. [https://doi.org/10.37052/jb22\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jb22(2)no1)
- Lin, A. M. Y. (2008). *Problematizing Identity: Everyday Struggles in Language, Culture and Education*. New York: Lawrence Erlbaum Associates.
- Man, Z. (2018). *Semelai Connection To Land: Notions Of Territory, Space And Place In Tasek Bera, Malaysia* [Unpublished PhD Dissertation, University of Malaya].
- Manickam, S. K. (2015). *Taming the wild: Aborigines and racial knowledge in Colonial Malaya*. Singapore: Asian Studies Association of Australia and NUS Press.
- Md Yusof, A. F., & Wook, I. (2022). Indigenous Peoples Living in Protected Areas: An Observation on The Impact of COVID-19 in Kampung Peta, Endau-Rompin National Park. *INSLA E-Proceedings*, 3(1). <https://insla.usim.edu.my/index.php/eproceeding/article/view/18/30>
- Mohd Nor, M. M., Sukimi, M. F., & Mohd Nor, M. N. (2018). Kesedaran Pendidikan Dan Minat Kerja Pelajar Orang Asli Suku Kaum Jakun Di Rompin, Pahang. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 72–86. <https://doi.org/10.17576/geo-2018-1401-06>
- Mohd Yusoff, M. Y., Mansor, S., Harun, K., & Abd Razak, M. R. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2). <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-27>
- Mohsin, I. M., Hisham, N. Q. B., & Azizun, N. (2021). Ending Racial Tension by Eliminating the Shadow of Discrimination in the Minds of Malaysians. In *I-CReST 2020 International Conference on Research and Practices in Science, Technology and Social Sciences: PROCEEDING BOOK*. Pusat Asasi, UiTM Cawangan Dengkil.
- Nurasyikin Ghazali, Sharina Abdul Halim & Nor Haidanadia Hasni. (2020). Kelestarian Budaya Mendriq Malaysia. In W.A. Amir Zal & Hasan Mat Nor (Eds.), *Prolegomena: Masa Hadapan Orang Asli Malaysia* (pp. 59-78). Universiti Malaysia Kelantan.
- Portal Rasmi JAKOA (2024). Orang Asli. Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia. <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/>
- Parker, J., Crabtree, S. A., Parker, M. C., & Parker, I. C. (2019). “Behaving like a Jakun!” A case study of conflict, “othering” and indigenous knowledge in the Orang Asli of Tasik Chini | Journal of Sociology and Development. *Journal of Sociology and Development*, 3(1). <https://www.ajol.info/index.php/jsd/article/view/216307>

- Skeat, W. W., Blagden, O., & Ridley, H. N. (1907). The Pagan Races of the Malay Peninsula. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 49, 1–5. <https://www.biodiversitylibrary.org/partpdf/184985>
- Sarifin, M. R., & Sukimi, M. F. (2018). Budaya dan Identiti dalam Kalangan Orang Bawean Malaysia. In *MALAYSIA: Pembangunan Negara & Kerencaman Isu Sosial*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tyler, E. B. (1871). *Primitive Culture: Researches into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom Vol 1*. London: J. Murray
- Wahab, N., Abdullah, R., Astuti, S. I., & Rohaizad, N. A. A. (2020). Indigenous knowledge and cultural tourism among the Mah Meri people in Malaysia. *EurAsian Journal of BioSciences Eurasia J Biosci*, 14, 4137–4143. [https://staffnew.uny.ac.id/upload/131808673/penelitian/publikasi_Indigenous_knowledge_and_cultu\(1\).pdf](https://staffnew.uny.ac.id/upload/131808673/penelitian/publikasi_Indigenous_knowledge_and_cultu(1).pdf)
- Yang, B., Zhao, D., & Liu, L. (2021). An Analysis of Hall's Theory of Cultural Identity and Its Application in Flipped Class. *Proceedings of the 2nd International Conference on Language, Communication and Culture Studies (ICLCCS 2021)*, 588.
- Zainudin, N. S., & Suhaimi, M. S. (2023). Tahap Kefahaman Makna Simbolik Permainan Kercang Dalam Kalangan Remaja Orang Asli Suku Kaum Jakun : The Level Of Understanding On The Symbolic Meaning Of The Kercang Game Among The Youth's Jakun Tribe. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 13(1). <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/view/4376/2777>
- Zakaria, M. F. A., & Suhaimi, M. S. (2022). Hentian Glotis Dalam Kata Tanya Dialek Orang Asli Suku Kaum Jakun. *Asian People Journal*, 5(2). <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/388/229>